Selamparasan a/l Kalimuthoo lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO A-05(M)-184–07 TAHUN 2015
TENGKU MAIMUN, AHMADI ASNAWI DAN KAMARDIN HASHIM HHMR
7 JUN 2016

B

Keterangan — Saksi — Percanggahan keterangan — Percanggahan di dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan — Sama ada pencanggahan material — Sama ada terdapat keraguan mengenai penglibatan perayu dalam pembunuhan

C

D

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 302 — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan bersalah atas tuduhan membunuh dan dihukum mati — Prosiding pencabaran — Hakim bicara gagal memberi keputusan dalam prosiding pencabaran terhadap kebolehpercayaan saksi — Sama ada keterangan saksi boleh diterima — Sama ada pesuruhjaya kehakiman tersalah arah dalam menilai keterangan pembelaan perayu — Sama ada sabitan dan hukuman terhadap perayu selamat

E

Perayu telah dituduh bersama-sama dengan OKT1 dan OKT3 atas kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Kes pendakwaan adalah, OKT1 dan perayu telah dilihat oleh saksi pendakwaan, SP7 dan SP9, memegang parang dan kemudian menetak kepala, tangan dan belakang si mati. Setelah ditetak, si mati telah melarikan diri ke dalam semak berdekatan sambil dikejar oleh OKT1 dan perayu yang masih memegang parang manakala OKT3 juga menuju ke semak yang sama. SP9 kemudian melihat OKT1 dan perayu keluar dari dalam semak tersebut dan masih memegang parang yang sama. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara terdahulu telah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap ketiga-tiga tertuduh. Namun, hakim bicara terdahulu telah bersara dan kes telah diambil alih oleh pesuruhjaya kehakiman ('PK') yang baru. Setelah menilai semula keterangan saksi-saksi pendakwaan, PK memutuskan kes prima facie telah berjaya dibuktikan terhadap OKT1 dan perayu manakala OKT3 dilepaskan dan dibebaskan tanpa perintah untuk membela diri. Dalam pembelaannya, perayu mendakwa bahawa OKT1 telah menghayunkan parang ke arah si mati dan mengejar si mati ke arah semak. Perayu mengikuti si mati untuk menghalang OKT1 dari terus menyerang si mati. Perayu menyatakan bahawa, pada setiap masa, hanya OKT1 seorang sahaja yang menyerang si mati dengan menggunakan parang. Di akhir kes pembelaan, PK mendapati perayu telah gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan

F

G

H

I

perayu kemudian telah disabitkan atas pertuduhan dan dihukum gantung hingga mati. Tidak berpuas hati dengan keputusan PK, perayu telah memfailkan rayuan ini. Perayu berhujah bahawa terdapat pencanggahan terhadap keterangan saksi-saksi pendakwaan dan hakim bicara terdahulu dan PK yang mengambil alih kes telah gagal untuk memberi apa-apa alasan mengapa perayu dipanggil untuk membela diri sedangkan terdapat prosiding pencabaran terhadap SP10 yang belum diputuskan.

Diputuskan, membenarkan rayuan dan melepaskan dan membebaskan perayu daripada pertuduhan:

(1) Di dalam kes ini, terdapat keterangan yang bercanggah dan prosiding pencabaran terhadap kebolehpercayaan SP10 yang gagal diputuskan oleh hakim bicara. Dalam keadaan sedemikian, adalah wajar bagi PK yang mengambilalih perbicaraan kes untuk sama ada memanggil semula saksi-saksi utama pendakwaan terutamanya SP7, SP9 dan SP10 untuk pemeriksaan lanjut di bawah s 425 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') ataupun memilih untuk memulakan semula prosiding seperti diperuntukkan di bawah s 18(2)(b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (lihat perenggan 24).

(2) Percanggahan-percanggahan di kalangan saksi utama pendakwaan adalah terhadap pencahayaan di tempat kejadian. Isu pencahayaan adalah material kerana ia memberi kesan terhadap fakta sama ada perayu walaupun memegang parang di tangan, adakah dia turut menetak si mati. SP7 dan SP9 menyatakan bahawa perayu menetak belakang si mati manakala SP10 menyatakan bahawa perayu tidak terlibat dalam menetak si mati walaupun mengakui perayu ada memegang parang. Oleh itu, terdapat keraguan mengenai penglibatan perayu dalam kejadian pembunuhan si mati (lihat perenggan 28–29).

(3) Oleh kerana tiada keputusan yang dibuat oleh hakim bicara terdahulu mengenai prosiding pencabaran terhadap kebolehpercayaan saksi SP10, keseluruhan keterangan SP10 kekal dan kebolehpercayaan terhadap SP10 tidak tercalar. Mahkamah mendapati bahawa PK telah menerima keterangan SP10 bahawa OKT3 tidak terlibat dan tidak memegang senjata dalam membebaskan OKT3 tetapi menolak keterangan SP10 bahawa perayu tidak terlibat dalam menetak si mati dalam mensabitkan perayu walaupun keterangan SP10 memihak kepada perayu. Terdapat 'treatment' yang berbeza di pihak PK terhadap OKT3 dan perayu (lihat perenggan 29 & 31).

(4) PK yang bijaksana telah tersalah arah dalam menilai keterangan pembelaan perayu dan telah terkhilaf apabila berpegang kepada keterangan OKT3 yang terdapat dalam percakapan di bawah s 112 KTJ yang dirakamkan dari penama itu ('D64') sedangkan di dalam D64, tidak ada apa-apa keterangan yang menyatakan perayu telah menetak si

mati dengan parang. Keterangan percakapan saksi Suresh Kumar a/l Muniandy ('D65') bahawa perayu menetak si mati dengan parang di bahagian belakang tidak boleh dijadikan asas sabitan kerana D65 tidak diuji atas soal balas kerana Suresh Kumar a/l Muniandy tidak hadir di mahkamah untuk memberikan keterangan. Oleh itu percakapan dalam D65 mempunyai nilai prejudis yang mengatasi nilai probatif. Tambahan lagi, jika keterangan perayu menetak bahagian belakang si mati diterima, kecederaan di bahagian belakang badan si mati adalah tidak *fatal* menurut saksi pendakwaan, SP12. Oleh itu, mahkamah mendapati bahawa terdapat merit dalam rayuan dan sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat (lihat perenggan 32–33 & 35).

[English summary

The appellant was charged together with the first and third accused for murder under s 302 of the Penal Code. The prosecution's case was that, the first accused and the appellant was seen by the witnesses, SP7 and SP9, holding a machete and then slashed the head, hand and back of the deceased. Once hacked, the deceased had fled into a nearby bush while being chased by the first accused and the appellant was still holding the machete while the third accused was also heading to the same bush. SP9 then saw the first accused and the appellant coming out of the bush and still holding the same machete. At the end of the prosecution's case, the previous trial judge had found that the prosecution had proven a prima facie case against the three accused. However, the previous trial judge had retired and the case was taken over by a new judicial commissioner ('JC'). Having reviewed the evidence of the prosecution witnesses, the JC decided a prima facie case had been proved against the appellant and the first accused and third accused were acquitted and discharged without the order to defend themselves. In his defence, the appellant claimed that the first accused had swung a machete toward the deceased and had chased the deceased towards the bushes. The appellant followed the deceased to prevent the first accused from continuing to attack the deceased. The appellant stated that, at all times, the first accused was the only one person who attacked the deceased with a machete. At the end of the defence case, the JC found that the appellant had failed to raise a reasonable doubt against the prosecution case and the appellant was convicted of the charge and sentenced to death. Not being satisfied with the decision of the JC, the appellant had filed this appeal. The appellant argued that there were discrepancies in the testimony of the prosecution witnesses and the previous trial judge and the JC who took over the case had failed to give any reasons why the appellant was called to defend themselves while there were impeachment proceedings pending against SP10.

Held, allowing the appeal and acquitting and discharging the appellant form the charge:

(1) In this case, there were conflicting evidence and impeachment

proceedings against SP10 credibility that failed to be decided by the trial judge. In such circumstances, it was appropriate for the JC who took over the trial to either recall the main witnesses of the prosecution mainly SP7, SP9 and SP10 for further examination under s 425 of the Criminal Procedure Code ('the CPC') or opt to restart the proceedings as provided under s 18(2)(b) of the Courts of Judicature Act 1964 (see para 24).

(2) The contradictions among the prosecution's main witness was the lighting in the scene. Lighting is a material issue because it affects the fact whether the appellant despite holding a machete in hand, did he also slashed the deceased. SP7 and SP9 stated that the appellant slashed the back of the deceased while the SP10 stated that the appellant was not involved in slashing the deceased even though admitted that the appellant was holding a machete. Therefore, there were doubts about the appellant's involvement in the murder of the deceased (see paras 28–29).

(3) Since there was no decision made by the previous trial judge on the impeachment proceedings against the credibility of the witness SP10, the overall evidence of SP10 remained and the reliability of the SP10 was unscathed. The court found that the JC had received evidence of SP10 that the third accused was not involved and did not hold a weapon in acquitting the third accused but rejected the evidence of SP10 that the appellant was not involved in slashing the deceased in the convicting the appellant even though the evidence of SP10 was in favor of the appellant. The treatment was different on the JC against the third accused and the appellant (see paras 29 & 31).

(4) The learned JC had erred in assessing the evidence of the appellant's defence and had erred when adhering to evidence of the third accused as contained in the conversation under s 112 of the Criminal Procedure Code recorded that nominee ('D64') whilst in D64, there was no such evidence stating that the appellant had slashed the deceased with a machete. The evidence of the conversation of the witness Suresh Kumar a/l Muniandy ('D65') that the appellant had slashed the deceased with a machete on the back could not be the basis of his conviction because D65 wa not tested on cross-examination as Suresh Kumar a/l Muniandy did not appear in court to give evidence. Therefore the conversation in D65 had prejudicial value that override the probative value. Furthermore, if the evidence of the appellant who slashed the back of the deceased was admitted, the injuries on the back of the body of the deceased was not fatal according to the prosecution witnesses, SP12. Therefore, the court found that there was merit in the appeal and the conviction of the appellant was not safe (see paras 32–33 & 35).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai percanggahan keterangan, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 3359–3362.
Untuk kes-kes mengenai s 302, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2141–2279.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Rahim a/l Abdul Razak v PP [2015] 2 MLJ 835; [2015] 2 CLJ 208, MR (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 AMR 321, MP (dirujuk)
Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)
Lai Weng Keat v PP [2015] 6 MLJ 589; [2015] 9 CLJ 957, MP (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2005] 6 AMR 203, MP (dirujuk)
Ranjit Singh a/l Jit Singh v PP [2012] 6 MLJ 316, MR (dirujuk)
Sureeya Wutthisat & Anor lwn Pendakwa Raya [2013] 1 MLJ 214; [2012] 8 CLJ 773, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 145, 155
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 18(2)(b)
Kanun Tatacara Jenayah ss 112, 425
Kanun Keseksaan s 302

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B-4 Tahun 2011 (Mahkamah Tinggi, Ipoh)

Gurbachan Singh (Charan Singh bersamanya) (Nurul & Charan) bagi pihak perayu.
Tengku Intan Suraya bt Tengku Ismail (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim HMR:

[1] Ini adalah rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman mati yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Ipoh atas satu kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[2] Perayu telah disabitkan atas pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu secara bersama-sama dengan Meganathan A/L Ramasamy [OKT1] yang meninggal dunia pada 14 Disember 2011] telah pada 21 Oktober 2010 antara jam lebih kurang 10.30 malam hingga 11.00 malam di tepi parit hadapan Kedai Perniagaan OM Enterprise, No 5, Jalan Klebang Ria 3, Taman Klebang Ria, 32100 Chemor, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, telah

melakukan kesalahan membunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Abdul Rashid Ramesh bin Abdullah, K/P: No: 790228-105861, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama dengan seksyen 34 Kanun yang sama.

[3] Pada asalnya perayu telah dipertuduhkan bersama-sama dengan dua orang tertuduh yang lain, termasuk OKT1. Perayu adalah OKT2. Manakala OKT3 telah dibebaskan diakhir kes pendakwaan.

KES PENDAKWAAN:

[4] Pada 21 Oktober 2010 jam lebih kurang 10 malam, saksi Saravanan a/l Subramaniam ('SP7') bersama ahli keluarganya sedang makan malam di sebuah restoran Cina, Restoran Klebang Ria yang terletak bersebelahan dengan Kedai Perniagaan OM Enterprise. Pada masa itu telah datang 10–15 orang lelaki India menaiki motosikal dan mereka telah membuat bising di hadapan Kedai Perniagaan OM Enterprise tersebut. Pada masa yang sama SP7 melihat John ('si mati') sedang duduk di hadapan Kedai Perniagaan OM Enterprise tersebut.

[5] SP7 mengenali kesemua 10–15 orang lelaki India tersebut. Seterusnya SP7 menyatakan beliau melihat Meganathan ('OKT1'), Ganesan ('OKT3') dan Ramki ('perayu') telah menghampiri si mati. Pada ketika itu OKT1 dan perayu masing-masing memegang sebilah parang. Setelah mendekati si mati, OKT1 dan perayu telah menetak kepala dan tangan si mati beberapa kali menggunakan parang yang mereka pegang. OKT3 pada masa itu dikatakan sedang 'bising-bising'. Si mati tidak ada memegang apa-apa senjata.

[6] Setelah ditetak, si mati terus melarikan diri ke dalam semak berdekatan. SP7 melihat perayu dan OKT1 terus mengejar si mati sambil terus memegang parang di tangan. OKT3 turut menuju ke arah semak yang sama. Selepas lebih kurang sepuluh minit kemudian, SP7 telah pergi ke arah semak tersebut dan melihat si mati berada terbaring dalam keadaan berlumuran darah dan tidak sedarkan diri.

[7] SP7 bersama rakannya telah menghantar si mati ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh. Walau bagaimanapun si mati telah meninggal dunia akibat dari kecederaan yang beliau alami. Saksi Dr Mohamad Shafie bin Othman ('SP12') yang menjalankan bedah siasat ke atas jasad si mati mengesahkan kematian si mati berpunca daripada kehilangan darah yang berlebihan akibat luka tetakan di bahagian tangan dan kepala.

[8] Keterangan SP7 telah disokong oleh seorang lagi saksi mata, Samunathan a/l Subramaniam ('SP9'). SP9 menyatakan beliau melihat OKT1

menetak si mati dan kena pada tangan dan kepala si mati. SP9 juga melihat perayu menetak di bahagian belakang si mati. SP9 turut melihat OKT1, perayu dan OKT3 mengejar si mati yang lari ke dalam semak. Pada masa itu perayu dan OKT1 masih memegang parang. Kemudiannya SP9 melihat perayu dan OKT1 keluar dari dalam semak dan masih memegang parang panjang yang sama.

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[9] Hakim terdahulu yang mendengar kes pendakwaan (YA Dato' Zainal Adzam bin Abdul Ghani) telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT1, OKT3 dan perayu ('OKT2'). Hakim bicara terdahulu bagaimanapun telah bersara dan tidak ada menyediakan sebarang alasan penghakiman (*grounds of judgment*) mahupun sebarang alasan keputusan (*grounds of decision*). Ketiga-tiga OKTtelah diperintahkan untuk membela diri.

[10] Pesuruhjaya kehakiman ('PK') yang baru telah mengambil alih perbicaraan kes. Setelah mengambil alih perbicaraan ini, PK yang bijaksana telah membuat penilaian semula keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan berdasarkan kepada keputusan dalam kes *Ranjit Singh a/l Jit Singh v Public Prosecutor* [2012] 6 MLJ 316.

[11] Setelah membuat penilaian semula keterangan saksi-saksi pendakwaan, PK yang bijaksana telah membuat dapatan dan keputusan seperti berikut:

(a) walaupun terdapat percanggahan, namun keterangan SP7, SP9 dan juga keterangan Ramesh a/l Subramaniam ('SP10') adalah konsisten mengenai penglibatan perayu dalam menyerang si mati menggunakan parang;

(b) keterangan tiga orang saksi yang sama juga konsisten bahawa OKT3 tidak ada memegang sebarang senjata;

(c) keterangan SP7 dan SP9 adalah konsisten bahawa OKT1 dan perayu memegang senjata semasa keluar dari semak;

(d) keterangan SP7 dan SP9 adalah konsisten bahawa si mati telah ditetak oleh OKT1 dan perayu sebelum si mati lari ke dalam semak;

(e) saksi SP7, SP9 dan SP10 tidak bersetuju bahawa mereka tidak berada di tempat kejadian pada malam tersebut;

(f) berdasarkan keterangan yang selari berkaitan penglibatan tertuduh-tertuduh, tiada alasan untuk menolak keterangan SP7, SP9 dan SP10;

(g) percanggahan dalam keterangan SP7, SP9 dan SP10 adalah tidak material dan tidak menjejaskan kes pendakwaan mengenai penglibatan tertuduh-tertuduh;

(h) walaupun terdapat percanggahan antara SP7 dan SP9 dengan keterangan pegawai kawad cam, Insp Muhamad Firdaus bin Ishak ('SP13') berkaitan kehadiran mereka untuk sesi kawad cam, pengecaman yang dibuat oleh SP7 dan SP9 terhadap perayu tidak tergugat oleh kerana mereka saling mengenali satu sama lain;

(i) walaupun terdapat isu pencahayaan, namun SP7 dan SP9 dapat melihat dengan jelas kejadian yang berlaku kerana faktor jarak. Keterangan SP7 yang tidak tahu bahagian mana badan si mati yang terkena tetakan adalah disebabkan keadaan yang huru hara; dan

(j) walaupun terdapat perbezaan dalam keterangan pegawai penyiasat, ASP Zuraimy bin Zin ('SP14') dan keterangan SP7 berkaitan pencahayaan di tempat kejadian, semestinya terdapat perbezaan pencahayaan semasa kejadian dan selepas kejadian apabila SP14 pergi ke tempat kejadian.

[12] PK yang bijaksana seterusnya memutuskan elemen pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap OKT1 dan perayu. Kematian si mati Abdul Rashid Ramesh bin Abdullah K/P No 790228–10–5861 telah berjaya dibuktikan melalui keterangan Fauziah Banu bt Mohd Ramalan ('SP8'), kakak ipar si mati yang telah mengecamkan si mati. Elemen kedua bahawa kematian si mati telah disebabkan oleh kecederaan yang dialami oleh si mati telah disahkan oleh keterangan SP12 yang telah menjalankan bedah siasat ke atas jasad si mati. SP12 mengesahkan kematian si mati akibat kehilangan darah yang berlebihan hasil dari luka tetakan di tangan dan di kepala si mati. SP12 juga mengesahkan parang boleh menyebabkan luka tetakan yang serupa yang dialami oleh si mati. Luka yang paling parah dan *fatal* adalah di pergelangan tangan kiri si mati kerana arteri telah terpotong. Gabungan luka-luka yang dialami oleh si mati telah menyebabkan pendarahan yang berlebihan yang akhirnya membawa kepada kematian si mati.

[13] Mengenai elemen ketiga, siapa yang telah mendatangkan kecederaan yang membawa kepada kematian si mati, PK yang bijaksana telah menerima keterangan SP7 dan SP9 yang merupakan saksi mata yang melihat kejadian yang berlaku. SP7 dan SP9 melihat OKT1 dan perayu telah menetak si mati dengan parang, mengejar si mati yang lari ke dalam semak dan kemudian mereka keluar dari dalam semak, masih memegang parang di tangan mereka. Siasatan di tempat kejadian di mana SP7 dan SP9 mula menetak si mati di tepi longkang di hadapan Kedai Perniagaan OM Enterprise, saksi forensik Insp Mohd Hasni bin Mohd Nasir ('SP11') telah menemui kesan-kesan darah yang disahkan oleh ahli kimia, Padillah bt Yahya ('SP6') sebagai darah kepunyaan si

mati. Hanya perayu dan OKT1 yang dilihat memegang parang pada malam kejadian tersebut. Melalui keterangan SP7, SP9 dan SP10, OKT3 tidak ada memegang apa-apa senjata dan tidak ada menyerang si mati. Oleh itu PK yang bijaksana telah memutuskan bahawa kecederaan yang membawa kematian si mati telah dilakukan oleh OKT1 dan perayu.

[14] Mengenai elemen niat bersama, PK yang bijaksana berpuas hati bahawa OKT1 dan perayu mempunyai niat bersama untuk menyebabkan kematian kepada si mati. Tindakan perayu turut menyerang si mati menggunakan parang diputuskan bahawa perayu mempunyai niat bersama dengan OKT1 untuk mendatangkan kematian kepada si mati. Pendakwaan bagaimanapun menurut PK yang bijaksana, telah gagal membuktikan niat bersama terhadap OKT3 untuk mendatangkan kematian terhadap si mati.

[15] Atas penilaian maksima, PK yang bijaksana telah memutuskan kes prima facie telah berjaya dibuktikan terhadap OKT1 dan perayu. Oleh kerana OKT1 telah meninggal dunia sebelum kes pembelaan bermula, PK yang bijaksana telah hanya memerintahkan perayu untuk membela diri atas pertuduhan seperti terpinda dan memerintahkan OKT3 dilepaskan dan dibebaskan tanpa diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan. Tiada rayuan difailkan oleh pihak pendakwaan terhadap pembebasan OKT3 tersebut.

PEMBELAAN PERAYU

[16] Perayu memilih untuk memberi keterangan membela diri secara bersumpah dari kandang saksi. Perayu menyatakan bahawa beliau telah pergi menaiki sebuah motosikal bersama OKT1 sebagai pembonceng ke tempat kejadian. Apabila sampai di hadapan Kedai Perniagaan OM Enterprise, si mati telah memaki hamun OKT1. Si mati mengatakan OKT1 telah menunggang motosikal dengan kasar dan telah dinafikan oleh OKT1. Si mati terus menghamburkan kata-kata kesat terhadap OKT1. Mereka terus bergaduh di mana OKT1 telah menarik baju si mati.

[17] Si mati telah bertindak balas dengan menampar muka OKT1. Perayu telah menghalang mereka daripada terus bergaduh dengan menarik tangan OKT1. OKT1 dikatakan telah menolak tangan perayu. OKT1 seterusnya telah pergi ke bahagian hadapan Kedai Perniagaan OM Enterprise, mengambil sebilah parang lalu menghayunkan parang tersebut ke arah si mati. Si mati telah mengangkat tangannya untuk menghalang hayunan tersebut dari terkena kepala si mati. Kejadian ini turut disaksikan oleh SP9 dan Saravanan a/l Krishnan ('SD3').

[18] Si mati kemudiannya telah melarikan diri ke dalam semak yang berdekatan dan diekori oleh OKT1. Perayu turut mengikuti dari arah belakang untuk menghalang OKT1 dari terus menyerang si mati. Perayu kemudiannya mendengar suara OKT3 yang meminta OKT1 dan si mati supaya berhenti bergaduh. OKT3 turut mengarahkan perayu untuk membawa OKT1 pulang. Perayu menyatakan bahawa beliau terus keluar dari dalam semak tanpa membawa sebarang senjata. Perayu telah menghantar si mati balik ke rumah dan beliau kemudian turut balik ke rumah. Perayu menyatakan pada setiap masa hanya OKT1 seorang sahaja yang menyerang si mati dengan menggunakan parang.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN PK DIAKHIR KES

[19] Diakhir kes, PK yang bijaksana telah menolak keterangan membela diri perayu. Puan PK menyatakan beliau menolak keterangan perayu atas alasan pembelaan perayu tidak pernah ditimbulkan semasa saksi-saksi pendakwaan memberi keterangan. Hakim bicara tersebut juga mempersoalkan tindakan perayu yang gagal untuk menghalang OKT1 dari terus menyerang si mati serta gagal untuk mendapatkan bantuan untuk membantu si mati.

[20] Sebaliknya hakim bicara tersebut telah menerima keterangan daripada OKT3 bahawa OKT1 ada menetak si mati walaupun dihalang oleh perayu. Keterangan perayu juga gagal menjelaskan empat kecederaan yang dialami oleh si mati walaupun perayu menyatakan OKT1 telah menetak si mati hanya sekali.

[21] PK yang bijaksana telah mendapati perayu telah gagal untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Hakim bicara berpuas hati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap perayu melampaui sebarang keraguan yang munasabah. Perayu telah disabitkan atas pertuduhan dan dihukum gantung hingga mati.

RAYUAN PERAYU

[22] Peguambela terpelajar bagi perayu telah membangkitkan alasan- alasan berikut di dalam hujahan untuk mengenepikan sabitan dan hukuman terhadap perayu:

(a) Yang Arif PK tidak sepatutnya meneruskan perbicaraan dengan mendengar kes pembelaan. Hakim bicara itu sewajarnya mendengar kes ini secara *de novo;*

(b) terdapat percanggahan-percanggahan yang material di dalam keterangan saksi-saksi utama pendakwaan yang telah gagal diberikan pertimbangan oleh hakim bicara;

(c) prosiding pencabaran kebolehpercayaan (*impeachment proceeding*) terhadap saksi Ramesh a/l Subramaniam ('SP10') gagal diputuskan oleh hakim bicara terdahulu dan juga oleh Yang Arif PK yang mengambil alih pendengaran perbicaraan dalam kes ini;

(d) *demeanour* saksi oleh SP9 gagal dinilai oleh hakim bicara;

(e) saksi SP7 dan SP9 adalah saksi-saksi yang berkepentingan; dan

(f) hakim bicara gagal memberi pertimbangan sewajarnya terhadap pembelaan perayu.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN KAMI

[23] Terhadap alasan rayuan pertama, dihujahkan oleh peguambela bahawa PK yang mengambil alih kes tidak wajar berpegang kepada keputusan dalam kes *Ranjit Singh a/l Jit Singh v Public Prosecutor* oleh kerana kredibiliti saksi-saksi penting pendakwaan termasuk SP7, SP9 dan SP10 telah dicabar dalam pemeriksaan balas serta terdapat prosiding pencabaran kebolehpercayaan saksi SP10 yang gagal diputuskan di akhir kes pendakwaan. Dihujahkan hakim bicara yang kedua seharusnya menggunakan s 18(2)(b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('Akta 91') dan juga s 425 Kanun Acara Jenayah sebelum meneruskan dengan saksi-saksi pembelaan. Hakim bicara yang asal langsung gagal untuk membuat penilaian yang maksima terhadap keterangan saksi-saksi pendakwaan sebelum memerintahkan kesemua tiga tertuduh membela diri atas pertuduhan (*Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 AMR 321 dan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2005] 6 AMR 203).

[24] Kami bersetuju dengan hujahan peguambela terpelajar setakat bahawa fakta dalam kes *Ranjit Singh a/l Jit Singh* adalah 'straight-forward' seperti dalam petikan yang dibuat oleh hakim bicara. Tetapi terdapat pertikaian fakta dan cabaran terhadap keterangan saksi- saksi utama pendakwaan dalam kes di hadapan kami. Malahan terdapat keterangan yang bercanggah dan prosiding pencabaran terhadap kebolehpercayaan SP10 yang gagal diputuskan oleh hakim bicara. Dalam keadaan sedemikian, adalah wajar PK yang mengambil alih perbicaraan kes untuk sama ada memanggil semula saksi-saksi utama pendakwaan terutamanya SP7, SP9 dan SP10 untuk pemeriksaan lanjut di bawah s 425 Kanun Acara Jenayah ataupun memilih untuk memulakan semula prosiding seperti diperuntukkan di bawah s 18(2)(b) Akta 91.

[25] Peguambela terpelajar berhujah seterusnya bahawa hakim bicara yang pertama telah gagal memberikan alasan-alasan mengapa beliau telah memanggil perayu dan dua orang lagi tertuduh untuk membela diri sedangkan

terdapat prosiding pencabaran terhadap SP10 yang belum diputuskan. Hakim bicara kedua juga turut gagal membuat sebarang keputusan atas perkara yang sama. Peguambela berpegang kepada keputusan mahkamah ini dalam kes *Sureeya Wutthisat & Anor lwn Pendakwa Raya* [2013] 1 MLJ 214; [2012] 8 CLJ 773.

[26] Seterusnya peguambela berhujah bahawa terdapat kegagalan hakim bicara pertama untuk menilai dan mencatat *demeanor* saksi SP9 sebagaimana terdapat dalam CRT. Saksi SP7 juga telah menukar versi beliau tetapi kredibiliti saksi itu tidak dipertimbangkan oleh hakim bicara. Oleh kerana terdapat isu berkaitan kredibiliti dan *demeanor* saksi-saksi utama yang dicabar serta prosiding pencabaran kebolehpercayaan SP10 yang gagal diputuskan, adalah wajar hakim bicara yang mengambil alih perbicaraan kes ini membicarakan kes ini secara *de novo* sebagaimana diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lai Weng Keat v Public Prosecutor* [2015] 6 MLJ 589; [2015] 9 CLJ 957.

[27] Alasan rayuan seterusnya berkaitan dengan percanggahan-percanggahan yang material dalam keterangan saksi-saksi SP7, SP9 dan SP10. Dihujahkan hakim bicara pertama, telah gagal membuat penilaian terhadap percanggahan material dalam keterangan saksi-saksi dan sebaliknya turut memutuskan '2 OKT diarah untuk masukkan pembelaan mereka' (ms 16 *AR* tambahan Jld 4). Manakala PK yang mengambil alih perbicaraan menyatakan beliau tidak dapat menilai kredibiliti saksi-saksi oleh kerana hanya bergantung kepada keterangan saksi-saksi yang telah dirakamkan oleh hakim bicara yang asal. Selain itu hakim bicara kedua juga walaupun telah membuat penilaian semula keterangan saksi-saksi pendakwaan telah gagal untuk membuat keputusan mengenai percanggahan dalam keterangan saksi-saksi SP7, SP9 dan SP10. Selain itu beliau juga gagal membuat dapatan terhadap isu prosiding pencabaran terhadap SP10.

[28] Percanggahan-percanggahan dikalangan saksi utama pendakwaan adalah terhadap pencahayaan di tempat kejadian. Pencahayaan ini adalah material. Isu pencahayaan ini memberi kesan terhadap fakta sama ada perayu walaupun memegang parang di tangan adakah beliau turut menetak si mati. Hakim bicara yang asal telah membuat andaian apabila memanggil perayu untuk membela diri bahawa perayu turut terlibat menetak mangsa dengan parang. Apa yang dilihat oleh saksi SP7 dan SP9 adalah perayu menetak bahagian belakang badan si mati. Saksi SP12 mengesahkan kecederaan di belakang si mati tidak *fatal*. Tidak ada saksi melihat apa yang telah berlaku selepas si mati lari masuk ke dalam semak. Menurut keterangan SP10, perayu tidak terlibat dalam menetak si mati walaupun mengakui perayu ada memegang parang. Malahan SP10 menyatakan mendengar perayu dan OKT3

memberitahu OKT1 supaya lepaskan dan jangan menetak si mati (ms 155 *AR* Jld 1). A

[29] Oleh itu terdapat keraguan mengenai penglibatan perayu dalam kejadian pembunuhan si mati. PK yang bijaksana telah melepaskan OKT3 berdasarkan keterangan SP10 bahawa OKT3 tidak terlibat dan tidak memegang senjata. Sebaliknya, walaupun SP10 memberi keterangan menyebelahi perayu, Puan PK telah mensabitkan perayu atas pertuduhan dengan menolak keterangan SP10. Terdapat 'treatment' yang berbeza di pihak PK terhadap OKT3 dan perayu. B C

[30] Peguambela turut menghujahkan bahawa saksi SP7 dan SP9 adalah saksi-saksi yang mempunyai kepentingan dan tidak wajar diberi sandaran dalam membuat keputusan. Malahan SP7 dan SP9 turut memberi keterangan palsu mengenai kehadiran dalam kawad cam. Yang Arif PK telah menolak isu tersebut atas alasan keterangan berkaitan dengan kawad cam tidak penting kerana mereka saling mengenali. SP7 dan SP9 sebenarnya, menurut saksi SP13 bahawa mereka telah hadir sebagai saksi kawad cam namun SP7 dan SP9 menafikannya. Laporan kawad cam P53, P54 dan P56 mengesahkan SP7 dan SP9 telah hadir dalam kawad cam yang diadakan. Jelas bahawa SP7 dan SP9 telah berbohong. Hakim bicara yang asal telah mengesyorkan supaya SP9 dipertuduhkan kerana telah memberi sumpah palsu (ms 1 RRT Jld 5). D E

[31] Walaupun kebolehpercayaan saksi SP10 telah dicabar melalui prosiding di bawah ss 145 dan 155 Akta Keterangan 1950 namun hakim bicara terdahulu telah gagal untuk membuat keputusan mengenainya. Berdasarkan kepada keputusan dalam kes *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232, keputusan mengenainya hendaklah dibuat di akhir kes pendakwaan. Walaupun begitu, hakim bicara terdahulu telah gagal membuat sebarang keputusan mengenai perkara tersebut sebelum memerintahkan ketiga-tiga tertuduh untuk membela diri mereka atas pertuduhan. Oleh kerana tiada keputusan dibuat oleh hakim bicara terdahulu, kami bersetuju dengan hujahan peguambela bahawa keseluruhan keterangan SP10 kekal dan kebolehpercayaan terhadap SP10 tidak tercalar. Kami mendapati PK yang bijaksana telah menerima keterangan SP10 dalam membebaskan OKT3 tetapi menolak keterangan SP10 dalam mensabitkan perayu walaupun keterangan SP10 memihak kepada perayu. F G H

[32] Mengenai isu kegagalan PK yang bijaksana untuk menilai pembelaan perayu, kami bersetuju terdapat kekhilafan dalam dapatan dan penilaian yang telah dibuat oleh PK yang bijaksana dalam perkara ini. Dalam mensabitkan perayu, PK yang bijaksana turut bergantung kepada keterangan Ganesa a/l Ramasamy ('OKT3') yang terdapat dalam percakapan di bawah s 112 Kanun Acara Jenayah yang dirakamkan dari penama itu ('D64'). PK yang bijaksana I

menyatakan dalam D64 terdapat keterangan yang menyatakan bahawa perayu turut memegang parang dan turut menetak si mati. PK yang bijaksana telah membuat kesimpulan bahawa perayu ada menetak si mati.

[33] Kami bersetuju PK yang bijaksana telah tersalah arah dalam menilai keterangan pembelaan perayu dan telah terkhilaf apabila berpegang kepada D64 sedangkan di dalam D64 tidak ada sebarang keterangan yang menyatakan perayu telah menetak si mati dengan parang. Kami dapati hanya percakapan saksi Suresh Kumar a/l Muniandy ('D65') yang menyatakan perayu ada menetak si mati dengan parang di bahagian belakang. Keterangan dalam D65 tidak boleh dijadikan asas untuk mensabitkan perayu. Pertamanya, D65 tidak diuji atas soal balas oleh kerana penama Suresh Kumar a/l Muniandy tidak hadir untuk memberi keterangan di mahkamah. Oleh itu percakapan dalam D65 mempunyai nilai prejudis yang mengatasi nilai probatif. Keduanya, jika diterima keterangan perayu menetak bahagian belakang si mati, kecederaan si mati di bahagian belakang badan menurut SP12 adalah tidak *fatal*.

[34] Dalam kes *Abdul Rahim a/l Abdul Razak v Public Prosecutor* [2015] 2 MLJ 835; [2015] 2 CLJ 208, mahkamah ini telah membuat keputusan atas isu yang sama seperti berikut di ms 229:

> [59] The s 112 statements too constituted weak evidence, quite apart from being hearsay held to be admissible under s 32 of the Evidence Act 1950. It denied the opportunity for the appellant to test the veracity of these statements providing motive for the murder by cross-examining these persons. On this we agree with the appellant's position that the trial judge had failed to direct his mind to the weight to be attached to this particular unsatisfactory evidence. This failure by itself could lead to a miscarriage of justice. An accused person is entitled to a fair trial and where an accused loses a chance of acquittal which is fairly open to him because of a substantial miscarriage of justice occasioned by a misdirection by the trial judge, the conviction becomes unsafe.

KONKLUSI

[35] Atas alasan-alasan yang tersebut di atas, kami bersetuju sebulat suara bahawa terdapat merit dalam rayuan perayu terhadap sabitan. Kami mendapati sabitan terhadap perayu tidak selamat. Kami telah membenarkan rayuan perayu. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi diketepikan. Perayu dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan.

Rayuan dibenarkan dan perayu dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar